

TAHAP KEWANGAN GOLONGAN BELIA ISLAM DI MALAYSIA SEMASA PANDEMIK COVID-19

FINANCIAL STATUS OF MUSLIM YOUTH IN MALAYSIA DURING THE COVID-19 PANDEMIC

Siti Sarah Omar¹
Shahir Akram Hassan²

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia
(E-mail: sitisarah5632@gmail.com)

² Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia
(E-mail: shahirakram@usm.my)

Article history

Received date : 1-8-2021
Revised date : 2-8-2021
Accepted date : 8-9-2021
Published date : 18-9-2021

To cite this document:

Siti Sarah Omar & Shahir Akram Hassan (2021).
Tahap Kewangan Golongan Belia Islam di Malaysia
Semasa Pandemi COVID-19. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39),
51-60.

Abstrak: *Pandemik COVID-19 yang melanda dunia kini telah memberi pelbagai kesan. Antara sektor yang paling terkesan ialah sektor kesihatan dan ekonomi. Sepanjang tempoh pandemik ini, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan sehingga 3 fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Terkini PKP 3.0 dikuat kuasakan bermula 1 Jun 2021 di seluruh Malaysia apabila kes positif harian hampir mencecah lima angka. Kesan daripada perintah ini, sebahagian besar industri ekonomi terpaksa dihentikan sementara waktu, dikecilkan skop operasi dan ada juga terpaksa ditutup, sekaligus menyebabkan golongan pekerja kehilangan sumber pendapatan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pengangguran di Malaysia meningkat daripada 508,200 orang pada 2019 kepada 711,000 orang pada 2020. Berdasarkan jumlah statistik ini telah menimbulkan tiga persoalan, Siapakah golongan yang terkesan akibat pandemik COVID 19? Adakah golongan belia Islam merupakan golongan majoriti penganggur di Malaysia? Apakah tahap kewangan peribadi golongan belia Islam di Malaysia semasa musim pandemik COVID-19? Oleh itu, bagi menjawab persoalan ini, kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti peratus penganggur belia Islam di Malaysia; dan kedua, menganalisis tahap kewangan golongan belia Islam di Malaysia. Kertas kerja ini menggunakan kajian dokumen dengan mengaplikasi kaedah kualitatif dan kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penemuan telah menunjukkan golongan belia merupakan antara golongan utama yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan juga merupakan golongan penganggur tertinggi di Malaysia. Tahap kewangan majoriti golongan belia Islam di Malaysia pada tempoh pandemik berada pada tahap pertama dan kedua iaitu ketidakstabilan kewangan dan kewangan mencukupi. Selain daripada kerja-kerja sambilan harian yang dilakukan, beberapa skim bantuan dan insentif kerajaan dilihat sedikit sebanyak dapat membantu golongan belia meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh pandemik COVID-19.*

Kata Kunci: *Tahap Kewangan, Belia Islam, Pandemi, COVID-19.*

Abstract: *The COVID-19 pandemic that has hit the world has now had various effects. Among the most affected sectors are the health and economic sectors. During this pandemic period, the Malaysian Government has implemented up to 3 phases of the Movement Control Order (MCO). The latest PKP 3.0 came into force from 1 June 2021 throughout Malaysia when the daily positive cases almost reached five figures. As a result of this order, most of the economic industries had to be temporarily halted, the scope of operations narrowed and some had to be closed, thus causing the workers to lose their source of income. According to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), unemployment in Malaysia increased from 508,200 people in 2019 to 711,000 people in 2020. Based on these statistics, it has raised three questions, who are the people affected by the COVID 19 pandemic? Are Muslim youths the majority of the unemployed in Malaysia? What is the personal financial level of Muslim youths in Malaysia during the COVID-19 pandemic season? Therefore, to answer this question, this paper has two objectives. First, to identify the percentage of unemployed Muslim youths in Malaysia; and second, to analyze the financial level of Muslim youths in Malaysia. This paper uses document review by applying qualitative methods and then analyzed using content analysis method. The findings have shown that youths are among the main groups affected by the COVID-19 pandemic and are also the highest unemployed group in Malaysia. The financial level of the majority of Muslim youths in Malaysia during the pandemic period was in the first and second stages, namely financial instability and financial stability. Apart from the daily part-time work, several Government's Aid and incentive schemes are seen to be able to help the youths continue to survive during the COVID-19 pandemic.*

Keywords: *Financial Level, Muslim Youth, Pandemic, COVID-19.*

Pengenalan

Pelbagai kesan ke atas sektor kesihatan, ekonomi, pendidikan dan alam sekitar mula dirasai hasil daripada penularan wabak COVID-19. Antara sektor yang paling ketara terkesan adalah sektor kesihatan dan ekonomi. Di Malaysia, tiga kes pertama COVID-19 telah dikenalpasti pada 25 Januari 2020 yang merupakan kes import serta kontrak rapat kepada kes import. Ini merupakan gelombang pertama pandemik COVID-19 di Malaysia. Gelombang kedua di Malaysia bermula pada 17 Februari 2020 apabila terdapat 3 kluster direkodkan iaitu kluster UDA, Kluster Perhimpunan Seri Petaling dan Kluster DTI. Keadaan COVID-19 sekarang berada pada gelombang ketiga sejak 20 September 2020 apabila kes mula meningkat kepada tiga angka sehari, kes ini disumbang oleh Kluster di Sabah, Kluster di Kedah dan Kluster di Selangor. Berdasarkan capaian data nasional (covid-19.moh.gov.my), jumlah kes positif harian mula direkodkan meningkat kepada empat angka sehari bermula pada 24 Oktober 2020 dan pada 29 Jun 2021 jumlah kes direkodkan menghampiri lima angka sehari. Peningkatan ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, Fasa 3 (PKP 3.0) di seluruh Malaysia bermula 1 Jun 2021 sehingga kes harian direkodkan bawah 4,000.00 kes sehari. Kes terkini di Malaysia telah mencecah lima angka sehari bermula 13 Julai 2021 (covid-19.moh.gov.my).

Kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 1 sehingga fasa 3 ini telah menyebabkan sebahagian industri ekonomi terpaksa dihentikan sementara waktu, dikecilkan skop operasi dan ada juga terpaksa ditutup. Perkara ini sekaligus menyebabkan golongan pekerja kehilangan kerja, golongan peniaga kehilangan pelanggan dan ada juga yang kehilangan perniagaan mereka. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM,2020)

pengangguran di Malaysia pada tahun 2020 meningkat sebanyak 8.7% dari tahun sebelumnya, iaitu daripada 508,200 orang penganggur telah direkodkan pada Disember 2019 kepada 711,000 orang penganggur direkodkan pada Disember 2020. Apabila kadar pengangguran bertambah, beberapa masalah akan timbul seperti pendapatan isi rumah akan berkurang, kuasa membeli akan berkurang, dan masalah sosial pula akan bertambah. Perkara-perkara seperti ini akan menyebabkan kitaran ekonomi negara terganggu secara umumnya dan keadaan kewangan individu serta status sosial individu juga akan berubah secara khususnya. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk mengenal pasti tahap kewangan belia Islam di Malaysia semasa pandemik COVID-19 supaya dapat memberi gambaran secara jelas apa yang sedang berlaku hasil daripada wabak COVID-19 supaya dapat mencari solusi yang terbaik untuk membantu golongan tersebut dalam mengharungi pandemik COVID-19 ini.

Sorotan Karya Tahap Kewangan Golongan Belia Semasa Pandemik Covid-19

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menafsirkan belia sebagai mereka yang berumur antara 15 tahun hingga 25 tahun (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*, 2006). Pertubuhan Komanwel pula mengkategorikan belia sebagai mereka yang berusia di antara 15 sehingga 29 tahun (*Commonwealth Youth Program, Strategic Plan*, 2003-2006). Di Malaysia, belia ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan, 2007). Walaubagaimanapun, pada tahun 2019, terdapat beberapa isu dibangkitkan apabila pelaksanaan definisi had umur belia dipinda dalam Akta 668 dengan mengubah definisi umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun (Mohd Fauzi Fadzil, 2020). Dasar Belia Malaysia (DBM, 2015) menggariskan definisi belia sebagai individu yang berumur 15 sehingga 30 tahun dan memecahkan kepada tiga kumpulan utama belia iaitu belia awal (15 sehingga 18 tahun), belia pertengahan (19 sehingga 24 tahun) dan belia akhir (25 sehingga 30 tahun). Dalam kertas kerja ini, pengkaji menggunakan definisi belia menurut Dasar Belia Malaysia (DBM, 2015). Daripada definisi-definisi yang telah dinyatakan dapat digambarkan bahawa belia merupakan antara golongan yang terpenting dalam struktur masyarakat terutamanya di Malaysia.

Jadual 1: Sorotan Karya Tahap Kewangan Golongan Belia Semasa Pandemik Covid-19

Tema	Data yang diperolehi	Sumber
Definisi Belia	Belia adalah mereka yang berumur antara 15 tahun hingga 25 tahun.	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i> , 2006.
	Mereka yang berusia di antara 15 sehingga 29 tahun	<i>Commonwealth Youth Program, Strategic Plan</i> , 2003-2006.
	Di Malaysia, belia ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun	Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan, 2007.
	Definisi belia sebagai individu yang berumur 15 sehingga 30 tahun dan dipecahkan kepada tiga kumpulan utama belia iaitu Belia awal (15-18 tahun), Belia pertengahan (19-24 tahun) dan Belia akhir (25-30 tahun)	Dasar Belia Malaysia (DBM, 2015)

	Pada tahun 2019, terdapat beberapa isu dibangkitkan apabila pelaksanaan definisi had umur belia dipinda dalam Akta 668 dengan mengubah definisi umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun	Mohd Fauzi Fadzil, 2020
Kadar Pengangguran Belia	Kadar pengangguran tahun 2020 telah meningkat kepada 4.5 peratus dari tahun sebelumnya dan merupakan kadar tertinggi yang dicatatkan sejak tahun 1993 (4.1%).	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM,2020)
	Belia merupakan penyumbang terbesar dalam jumlah pengangguran di Malaysia iaitu melebihi 50% dari jumlah keseluruhan.	
	Lebih dari 15,000 individu baru telah mendaftar untuk program pengurusan hutang pada pertengahan tahun 2020	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK, 2020)
Tahap kewangan belia	Semenjak tahun 2017 (IBM'17) sehingga 2019 (IBM'19) IBM telah menunjukkan penurunan. IBM'20 untuk tahun 2020 juga secara kasarnya menunjukkan penurunan namun keputusan akhir belum dikeluarkan kerana masih dalam peringkat penerbitan.	Indeks Belia Malaysia (IBM) diperkenalkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)
	Terdapat 5 Tahap kewangan peribadi: 1. Tahap kewangan tidak stabil 2. Tahap kewangan mencukupi 3. Tahap kewangan selamat 4. Tahap kewangan bebas 5. Tahap kewangan kekayaan	jomurusduit.com, 2017; Mohd Redzuan Dolah, 2018

Golongan belia perlu dicorak sebaik mungkin agar dapat menyumbangkan sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada negara suatu hari nanti. Keupayaan memaksimumkan kemampuan atau kebolehpasaran belia akan menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara. Menurut statistik unjuran populasi penduduk belia tahun 2020, menunjukkan seramai 9,000,700 orang belia (15-30 tahun) di Malaysia (Rajah 1) dan lebih 60 peratus penduduk warganegara adalah Bumiputera. Oleh itu pengkaji memilih untuk mengkaji tentang belia Islam kerana golongan ini merupakan golongan yang mempunyai peratus penyumbang yang besar kepada negara.



Rajah 1: Anggaran Penduduk Semasa di Malaysia, 2020.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Institute Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Indeks Belia Malaysia (IBM) diperkenalkan pada tahun 2015 (IBM' 15) dengan 12 Domain dan 58 Indikator oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), IBM merupakan instrument atau penanda aras yang dibentuk bagi memantau perkembangan kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia (IYRES, 2019). Setelah 5 tahun IBM diperkenalkan, 2 tahun pertama IBM menunjukkan pertambahan tetapi semenjak tahun 2017 (IBM'17) sehingga 2019 (IBM'19) IBM telah menunjukkan penurunan. IBM'20 untuk tahun 2020 juga secara kasarnya menunjukkan penurunan namun keputusan akhir belum dikeluarkan kerana masih dalam peringkat penerbitan.

Hasil tinjauan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kadar pengangguran bagi tahun 2020 di Malaysia telah meningkat kepada 4.5 peratus dari tahun sebelumnya dan merupakan kadar tertinggi yang dicatatkan sejak tahun 1993 (4.1%). Belia merupakan penyumbang terbesar dalam jumlah pengangguran di Malaysia iaitu melebihi 50% dari jumlah keseluruhan. Peningkatan pengangguran ini berkemungkinan besar disebabkan oleh ketidaktentuan dalam pasaran buruh susulan krisis kesihatan dan ekonomi yang sedang melanda dunia umumnya dan Malaysia khususnya. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK, 2020) lebih 15,000 individu baru telah mendaftar untuk program pengurusan hutang pada pertengahan tahun 2020 dan juga 52,566 individu turut menyertai khidmat kaunseling AKPK.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang keadaan tahap kewangan golongan belia terutamanya golongan belia Islam di Malaysia semasa pandemik COVID-19, pengkaji telah mengenal pasti 5 Tahap kewangan peribadi (jomurusduit.com, 2017; Mohd Redzuan Dolah, 2018) yang boleh dijadikan tanda aras untuk mengukur keadaan kewangan individu belia Islam di Malaysia. 5 Tahap kewangan peribadi tersebut adalah yang pertama, Tahap kewangan tidak stabil; kedua, Tahap kewangan mencukupi; Ketiga, Tahap kewangan selamat; Keempat, Tahap kewangan bebas; dan kelima, Tahap kewangan kekayaan.

Kaedah Penyelidikan

Kertas kerja ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini dipilih kerana kemampuannya untuk menunjukkan hasil kajian dalam bentuk analisis yang lebih mendalam tentang tahap kewangan golongan belia di Malaysia. Kajian berasaskan kaedah kualitatif ini menggunakan data-data sekunder yang diperolehi daripada kajian dokumen dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Data statistik utama yang digunakan dalam kertas kajian ini diperolehi daripada Jabatan Insolvansi Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian belia dan sukan (KBS) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)

Analisis Tahap Kewangan Golongan Belia Islam Di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19

Menurut Jabatan Bantuan Guaman (2011), perintah nafkah anak bagi orang yang beragama Islam berkuat kuasa sehingga usia 18 tahun atau sehingga dibenarkan oleh mahkamah. Oleh itu, pengkaji merumuskan secara umumnya kebanyakan belia awal (15-18 tahun) masih berada di bawah tanggungan ibubapa atau penjaga, mereka diberi duit belanja bersesuaian dengan keperluan harian, mingguan atau bulanan. Belia kelompok pertengahan (19-24 tahun) pula kebanyakan masih belajar di peringkat pengajian tinggi dan ada yang sudah mula menjana pendapatan sampingan dan ada juga yang sudah mula bekerja sepenuh masa. Golongan belia pertengahan ini akan mula terdedah dengan pelbagai dugaan pengurusan kewangan peribadi. Pada waktu ini sekiranya mereka bijak dalam mengurus kewangan, wang biasiswa atau pinjaman pendidikan boleh dijadikan modal perniagaan atau pelaburan berisiko rendah untuk menjana pendapatan seterusnya membuat simpanan untuk masa hadapan.

Belia akhir (25-30 tahun) pula sudah mula memasuki fasa genting untuk menguruskan kewangan dengan lebih cermat dan berhemah. Pelbagai ilmu pengurusan kewangan sangat penting untuk dipelajari dan diamalkan dengan baik. Segala langkah yang diambil akan dapat dilihat hasilnya apabila menginjak usia dewasa. Dalam kajian ini, pengkaji melihat secara menyeluruh bagi golongan belia berusia 15-30 tahun.

Untuk mengenalpasti tahap kewangan golongan belia Islam di Malaysia semasa pandemik COVID-19, pengkaji akan menghuraikan setiap 5 tahap kewangan peribadi (jomurusduit.com, 2017; Mohd Redzuan Dolah, 2018) berserta situasi sebenar yang dihadapi sekarang berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh badan-badan yang berautoriti.

Hasil tinjauan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kadar pengangguran bagi tahun 2020 di Malaysia telah meningkat kepada 4.5 peratus (711,000 orang) dari tahun sebelumnya iaitu 508,200 orang pada tahun 2019 dan merupakan kadar tertinggi yang dicatatkan sejak tahun 1993 (4.1%). Belia merupakan penyumbang terbesar dalam jumlah pengangguran di Malaysia iaitu melebihi 50% dari jumlah keseluruhan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Peningkatan pengangguran ini berkemungkinan besar disebabkan oleh ketidaktentuan dalam pasaran buruh susulan krisis kesihatan dan ekonomi yang sedang melanda dunia umumnya dan Malaysia khususnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), dalam kenyataan media mengenai Statistik Siswazah 2020 telah menyatakan bilangan siswazah dalam guna tenaga tidak penuh dan siswazah menganggur meningkat ketara sebanyak 22.5 peratus pada 2020. Statistik ini telah menunjukkan siswazah yang bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah

ini tidak dapat menggunakan kemahiran dan kelayakan mereka secara sepenuhnya. Menurut Mohd Uzair Mahidin (2021), peningkatan ketara bilangan siswazah menganggur dan siswazah guna tenaga tidak penuh adalah kesan daripada persekitaran ekonomi yang kurang memberangsangkan pada tahun 2020 akibat penangan pandemik COVID-19. Sekiranya golongan ini tidak dapat menguruskan kewangan peribadi mereka dengan baik, dikhuatiri mereka akan jatuh pada tahap kewangan peribadi yang pertama iaitu tahap kewangan tidak stabil. Mereka yang berada dalam golongan ini mempunyai aliran tunai negatif iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan. Perkara ini biasanya berlaku apabila mereka tidak dapat membezakan diantara keperluan dan kehendak (Azraei Muhamad, 2018). Sekiranya kesilapan ini dilakukan secara berterusan akan menyebabkan wujudnya hutang tidak sihat seperti kad kredit dan pembiayaan peribadi. Hal ini belum termasuk hutang pendidikan yang terpaksa ditanggung oleh graduan. Hasilnya, pendapatan akan sentiasa tidak mencukupi, mereka tidak mampu membuat simpanan, tidak dapat membeli aset, dan hutang semakin bertambah. Lebih membimbangkan lagi apabila Jabatan Insolvensi Malaysia (2021) telah menyatakan bahawa individu yang berumur akhir belia berada dalam golongan ketiga tertinggi bankrap yang dicatatkan pada tahun 2020 (Jadual 2). Walaupun bilangan kes kebangkrutan pada tahun 2020 ini dicatatkan menurun dari tahun 2019, perkara ini dipercayai sedikit sebanyak hasil daripada bantuan moratorium yang diberikan. Namun hal ini agak membimbangkan jika dilihat dalam tempoh masa yang panjang kerana perjalanan hidup belia masih jauh lagi sebelum mencapai usia bersara. Belia yang berada pada tahap kewangan individu yang pertama ini perlu diberi pendedahan ilmu pengurusan kewangan dan bantuan kewangan yang sewajarnya agar mereka dapat meneruskan kehidupan sewaktu musim pandemik.

Jadual 2: Jumlah Kes Kebankrapan Mengikut Golongan Umur

GOLONGAN UMUR	TAHUN					JUMLAH	PERATUS
	2016	2017	2018	2019	2020		
DI BAWAH UMUR 25 TAHUN	91	80	139	54	21	385	0.52
25-34 TAHUN	5,183	4,785	4,139	2,603	1741	18,451	24.70
35-44 TAHUN	6,601	6,241	5,958	4,574	3150	26,524	35.51
45-54 TAHUN	4,967	4,628	4,022	3,087	2211	18,915	25.32
55 TAHUN DAN KE ATAS	2,536	2,354	2,106	1,707	1204	9,907	13.26
TIADA MAKLUMAT	210	139	118	26	24	517	0.69
JUMLAH	19,588	18,227	16,482	12,051	8,351	74,699	100.00

Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia (2021)

Tahap kewangan peribadi yang kedua pula adalah tahap kewangan mencukupi. Belia yang berada dalam golongan ini terdiri daripada golongan yang menghabiskan hampir kesemua pendapatan untuk menampung perbelanjaan. Sekiranya golongan ini mempunyai hutang, hutang-hutang tersebut masih mampu dibayar secara ansuran setiap bulan. Mereka dalam golongan ini tidak terbeban dengan hutang, tetapi mereka juga tidak mempunyai simpanan yang kukuh serta aset yang bernilai tinggi. Laporan Kajian Khas Kesan COVID-19 terhadap individu dan ekonomi (Pusingan Pertama) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2020) menunjukkan 69.7 peratus individu yang telah bekerja dalam tempoh kurang setahun dan 63.2 peratus yang bekerja dalam tempoh 1-3 tahun masing-masing mempunyai wang simpanan yang hanya bertahan kurang daripada 1 bulan. Agak membimbangkan apabila ada golongan

belia berada pada tahap ini untuk menempuhi musim pandemik yang belum ada tanda kesudahannya, walaupun kerja-kerja separuh masa dapat dilakukan tetapi sekiranya berlaku hal-hal kecemasan, mereka tidak mempunyai simpanan yang dapat digunakan.

Tahap kewangan selamat merupakan tahap ketiga kewangan peribadi. Individu yang berada dalam golongan ini kebiasaanya mempunyai pengurusan kewangan yang baik. Pendapatan dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti simpanan, perbelanjaan, perlindungan dan pelaburan. Mereka dalam golongan ini selalunya mempunyai simpanan asas minimum tiga ke enam bulan. Lebihan simpanan akan dilaburkan sebaik-baiknya. Segala perbelanjaan dikawal dengan baik, hidup ikut kemampuan dan sentiasa mengikut bajet yang dibuat supaya perbelanjaan tidak melebihi pendapatan. Mereka membuat hutang untuk perkara penting dan pada paras minimum antara 30% ke 40% daripada pendapatan (jomurusduit.com, 2017; Mohd Redzuan Dolah, 2018). Sekiranya pandemik COVID-19 berterusan sehingga satu atau dua tahun lagi, belia yang berada dalam golongan ini berkemungkinan besar akan turut terjejas tahap kewangan mereka.

Tahap keempat iaitu tahap kewangan bebas. Mereka yang berada dalam golongan ini mempunyai kesemua yang diperoleh oleh golongan ketiga, bahkan lebih baik lagi. Pendapatan yang diperoleh oleh mereka kebanyakannya adalah daripada pendapatan aktif dan pasif, sama ada daripada sistem perniagaan atau pelaburan yang dilakukan. Namun menurut Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar dalam temu bual bersama Utusan Malaysia menyatakan firma guaman terpaksa ditutup sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, para pekerja diarahkan bekerja dari rumah tetapi perkhidmatan guaman tidak dapat dibuat di kediaman sekali gus menyebabkan pendapatan firma guaman terkesan dan akhirnya mereka tidak mampu untuk menampung kos operasi termasuk gaji pekerja. Para peguam yang kebanyakan tergolong dalam kelompok masyarakat M40 dan T20 mula merasa tempias pandemik COVID-19 apabila mereka dihimpit masalah kewangan dan tidak menerima bantuan kerajaan (Zainul Abu Bakar, 2021). Sekiranya keadaan ini berterusan, dikhawatiri perkara ini akan menjadi lebih parah lagi.

Tahap kewangan yang terakhir iaitu tahap kewangan kekayaan. Mereka yang berada dalam golongan ini tidak mempunyai sebarang masalah berkaitan kewangan. Golongan ini mempunyai limpahan kewangan hasil daripada pendapatan aktif dan pasif. Mereka mempunyai simpanan yang banyak dan jumlah aset yang bernilai tinggi yang mampu menjana pendapatan yang stabil untuk mereka. Kehidupan mereka secara menyeluruh adalah serba mewah (jomurusduit.com, 2017; Mohd Redzuan Dolah, 2018). Pada musim pandemik ini, golongan yang berada pada tahap ini secara umumnya langsung tidak terjejas dari segi corak serta gaya hidup dan yang terjejas berkemungkinan adalah pada pendapatan pasif sahaja. Golongan belia yang berada dalam tahap ini adalah sangat sedikit, kebanyakan dari mereka adalah mewarisi harta ibubapa.

Pakar Kewangan Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri dalam temubual bersama Utusan Malaysia menyatakan kedudukan kewangan rakyat Malaysia akan berada pada tahap kritikal sekiranya gelombang COVID-19 berterusan melanda negara (Ahmad Afiq dan Nur Izzati Izzah, 2020). Semenjak musim pandemik melanda negara, jurang sosial ekonomi di antara T20, M40 dan B40 menjadi lebih besar. Mereka yang berada dalam golongan T20 sebelum berlaku pandemik telah jatuh ke dalam golongan M40 atau M40 telah jatuh ke dalam golongan B40. Walaupun

kadar kebangkrutan dilihat menurun pada tahun 2020, perkara ini dipercayai kerana bantuan moratorium yang diberikan oleh pihak kerajaan sebagai salah satu inisiatif untuk membantu rakyat menghadapi cabaran ekonomi yang tidak stabil, namun perkara ini telah menimbulkan kekusaran kepada pengkaji sekiranya ia akan memberi kesan yang lebih buruk lagi pada tahun hadapan dan tahun-tahun berikutnya.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dilakukan keatas data-data yang diperolehi daripada badan berautoriti, golongan belia merupakan tahap kewangan majoriti golongan belia Islam di Malaysia pada tempoh pandemik berada pada tahap pertama dan kedua iaitu ketidakstabilan kewangan dan kewangan mencukupi. Perkara ini menjadi kerisauan kepada pengkaji sekiranya pandemik ini berterusan, tahap kewangan peribadi belia pada tahap kewangan mencukupi akan turun kepada tahap kewangan peribadi pertama.

Pada gelombang kedua COVID-19 melanda negara, golongan belia masih boleh berdiri dengan baki simpanan yang ada dan bantuan ahli keluarga, tetapi apabila gelombang pandemik yang ke tiga melanda negara, keadaan kewangan golongan belia menjadi semakin kritikal. Selain daripada kerja-kerja sambilan harian yang dilakukan, beberapa skim bantuan dan insentif kerajaan dilihat sedikit sebanyak dapat membantu golongan belia untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh pandemik COVID-19 yang belum menunjukkan tanda akan berakhir dalam masa terdekat.

Bibliografi

- Ahmad Afiq & Nur Izzati Izzah. (2020, July 20). Kewangan Rakyat di tahap kritikal. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2020/07/kewangan-rakyat-di-tahap-kritikal/>
- Asian Institute of Finance (AIF). (2015). *Malaysia's Gen Y in debt, living on the edge – survey*. Diakses daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia%E2%80%99s-gen-y-debt-living-edge-%E2%80%94-survey>
- Azraei Muhamad. (2018). *Enam Angka Menjelang Dua Puluh Lima*. Write & Brave Sdn Bhd. Kuala Lumpur
- COVID-19 Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Diakses daripada <http://covid-19.moh.gov.my/>
- Ekonomi Rakyat (2021, Julai 29). *Gaji Penengah Siswazah Muda Jatuh 25% Kepada RM 1,550 Sebulan*. <https://ekonomirakyat.com.my/gaji-penengah-siswazah-muda-jatuh-25-kepada-rm1550-sebulan/>
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBMB). (2019). *Facts & Figures penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia*. Putrajaya: IYRES
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBMB). (2020). *E-Buletin Mingguan IYRES*. Diakses daripada <https://www.ipbmb.gov.my/index.php/penerbitan/iyres-weekly-buletin/category>
- Jabatan Bantuan Guaman. (2011). *Nafkah Bagi Orang yang Beragama Islam* [Risalah]. <http://www.jbg.gov.my/images/doc/risalah/nafkah-org-islam.pdf>
- Jabatan Insolvency Malaysia. (2021). *Statistik Kebankrapan Disember 2020* [Nota Ringkas]. <http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEFNOTEKEBANKRAPANDISEMBER2020.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), (2019). *Statistic Populasi Penduduk & penduduk belia mengikut kategori umur, jantina, etnik, daerah & negeri di Malaysia bagi tahun*

- 2017-2019. Disunting grafik oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2020). [Laporan Survei Khas COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1)], Diakses daripada https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2021, Julai 27). *Statistik Siswazah 2020* [Kenyataan Media].
https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/7.%20Julai/STATISTIK%20SISWAZAH%202020-COMBINE.pdf
- Jomurusduit.com. (2017). *5 Tahap Kewangan Peribadi: Anda Di Mana?* Diakses daripada <https://jomurusduit.com/2017/01/5-tahap-kewangan-peribadi.html>
- Mohd Fauzi Hj. Fadzil. (2020). *Merungkai Kembali Isu Had Umur Belia di Malaysia*. Artikel Majlis Belia Malaysia (MBM). Diakses daripada <https://belia.org.my/wp/2020/08/21/merungkai-kembali-isu-had-umur-belia-di-malaysia/>
- Mohd Redzuan Dolah. (2018). *Tahap Kewangan Peribadi*. Diakses daripada <http://www.redzuandolah.com/tahap-kewangan-peribadi/>
- Mohd Uzair Mahidin (2021), kenyataan Ketua Perangkawan Malaysia dalam *Statistik Siswazah 2020* [Kenyataan Media].
- Zainul Abu Bakar. (2021, Jun 20). Peguam terkesan dengan pandemik COVID-19. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/06/peguam-terkesan-dengan-pandemik-covid-19/>